

# KTMB jangka mula catat keuntungan 2010

UM - 1 NOV 2003

**K**UALA LUMPUR 31 Okt. — Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menjangka akan mula mencatat keuntungan pada tahun 2010 apabila siap sepenuhnya pembinaan landasan kereta api berkembar yang menghubungkan utara dan selatan Semenanjung.

Pengarah Urusan KTMB, Mohd. Salleh Abdullah berkata, dengan siap landasan berkembar itu operasi pengangkutan rel juga akan ditingkatkan.

“Dengan satu landasan sekarang, hanya 25 tren sahaja yang boleh beroperasi dalam sehari tetapi apabila siapnya sepenuhnya landasan berkembar, 250 tren boleh beroperasi dalam sehari,” ujar Mohd. Salleh pada sidang akhbar di sini hari ini.

Selain landasan berkembar sedia ada bagi laluan Rawang-

Seremban dan Sentul-Pelabuhan Klang, KTMB sedang membina landasan berkembar yang menghubungkan Rawang-Ipoh.

Semua landasan berkembar yang menghubungi Ipoh-Padang Besar, Seremban-Johor Bharu dan Johor Bharu-Tanjung Pagar di Singapura akan siap sepenuhnya pada tahun 2010.

## Permintaan

Menjelang tahun 2020, rel berkembar yang sedia ada di Lembah Klang tidak lagi mampu memenuhi permintaan, sehubungan itu katanya KTMB akan membina lebih banyak rel bagi melancarkan perjalanan kereta api.

Menurut Mohd. Salleh, industri pengangkutan rel memerlukan pelaburan yang besar

dan mengambil jangka masa yang panjang untuk mencatatkan keuntungan.

Bercakap mengenai kerugian yang ditanggung oleh KTMB, Mohd. Salleh menjelaskan kerugian itu dapat dikurangkan secara berperingkat-peringkat.

“Pada tahun 2001, kerugian KTMB semasa di bawah penguurusan lama (Marak Unggul) ialah RM183 juta, tahun lalu kerugian itu dikurangkan kepada RM140 juta dan tahun ini dijangka turun kepada RM100 juta,” ujar Mohd. Salleh.

Sebelum itu Pengerusi KTMB, Tan Sri Thong Yaw Hong melepaskan kain rentang gerasi di ibu pejabat KTMB di sini sebagai menghargai jasa Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun.

Menurut Thong, Dr. Maha-

thir telah berjaya membangunkan Malaysia dengan begitu cemerlang menjadi sebuah negara yang berdaulat dan berma-ruah.

“Saya bagi pihak seluruh kakitangan KTMB amat menghargai sumbangan dan jasa beliau kepada negara khususnya kepada dalam industri pengangkutan rel.

“Dr. Mahathir adalah arkitek yang memodenkan perkhidmatan kereta api di negara ini dan pada masa yang sama seluruh warga KTMB mengalu-alukan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Malaysia kelima,” ujar beliau.

Katanya, seluruh kakitangan KTMB akan menyokong sepenuhnya kepimpinan Abdullah sebagai Perdana Menteri yang baru.